

25/04/1999

Pas bela tulisan Shahnnon

PAS menganggap isu novel SHIT karya Prof Datuk Shahnnon Ahmad adalah satu perkara biasa. Malah Ketua Penerangan Pas Kelantan, Abdul Fatah Harun kelmarin dilaporkan sebagai berkata ia satu pembaharuan dalam penulisan. Secara terbuka Pas mengakui menulis novel menggunakan perkataan lucu adalah fenomena yang boleh diterima oleh parti itu dan ahlinya. Ramai maklum buku itu bukan saja menggunakan kata-kata lucu malah kesat dan menghina. Sebagai parti politik yang menentang kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Pas sudah tidak ada pilihan untuk meraih simpati rakyat. Jika Pas turut mengecam Shahnnon, ia umpama meludah ke langit terkena muka sendiri. Pemimpin Pas tahu tindakan Shahnnon itu adalah keterlaluan, biadap dan memualkan. Mereka tahu risiko yang akan dihadapi Pas jika perbuatan Shahnnon itu turut mereka kecam. Lantas untuk kepentingan politik apatah lagi perbuatan buruk itu lahir daripada individu yang mereka sanjung selama ini, Pas terpaksa reda dengan mengakui yang dibuat oleh Sasterawan Negara itu adalah baik. Lagipun, bagi Pas adalah tidak kena bagi parti itu yang memang terkenal di kalangan pemimpinnya menggunakan bahasa kesat dan lucu, untuk menyangkal pula perbuatan Shahnnon. Pas juga tahu sebagai ahli seumur hidup parti itu, jika tindakan Shahnnon itu tidak dipertahankan tentunya akan menyukarkan mereka memberi penjelasan dalam siri kempen menjelang pilihan raya umum akan datang. Lantas, sehebat mana pun Shahnnon dikritik kerana buku SHIT, pekung mesti ditutup walaupun bau busuknya terus merebak.

Pas jelas tersepit dalam isu Shahnnon ini. Apapun, mereka terpaksa menunjukkan bahawa parti itu konsisten menyokong apa saja tindak-tanduknya sama ada ahli atau pemimpinnya. Bukan satu yang dapat disorokkan bahawa pemimpin Pas sinonim menggunakan bahasa yang kesat, kasar dan lucu dalam ceramah mereka. Pidato atau ceramah mereka memang lantang dan kadang-kadang bercakap seperti orang hendak pergi berperang. Kecaman mereka terhadap individu tertentu terutamanya dalam Umno memang agak pedas, tidak sopan manakala bahasa yang digunakan tidak pernah berlapik. Mereka menggunakan kata-kata lucu agar ceramah mereka dapat menghibur dan menarik serta pada masa yang sama secara disengaja atau tidak, menghina individu tertentu. Mereka mengucapkan ungkapan kesat dan lucu berpuluh kali sepanjang ceramah di hadapan beribu-ribu pendengar termasuk kanak-kanak yang pastinya tercemar perbendaharaan kata mereka dengan carut-marut itu. Oleh itu, Pas tidak boleh mengecam Shahnnon kerana ramai pemimpinnya yang lain juga bersifat demikian. Bezanya, Shahnnon melakukannya menerusi buku manakala pemimpin Pas lain menerusi ceramah.

Bagi kita walaupun ungkapan bahasa kasar yang diucapkan dengan nada mengutuk dan menghina itu barangkali tidak termasuk dalam kategori kata-kata lucu atau mencarut, ia bertentangan dari segi sopan santun Melayu dan adab tertib agama Islam. Rata-rata rakyat tidak boleh menerimanya. Apatah lagi jika seorang yang mendakwa ulama dan tokoh agama menjeritkan perkataan itu berulang-ulang kali. Ia bukan sekadar menimbulkan rasa kesal malah jengkel, meluat dan memualkan. Barangkali mungkin ada yang berasa terhibur, tetapi hiburan seperti itu rasanya tidak wajar bersumber daripada seorang bertokoh agama atau ulama.

Dalam kes Shahnnon ini, rakyat tidak boleh dikelirukan hanya menerusi kenyataan Pas itu yang jelas seboleh-bolehnya mempertahankan beliau. Pas sebenarnya bersikap `cakap tidak serupa bikin'. Di Kelantan, Pas cuba menonjolkan pelbagai kebaikan dengan mengharamkan apa juga perbuatan dan

cara hidup yang bertentangan dengan Islam. Pertunjukan menora dan mak yong diharamkan kerana membabitkan wanita. Mereka mendakwa persembahan sebegitu boleh menggiurkan penonton yang seterusnya menimbulkan pelbagai aksi tidak sopan dan lucu penonton. Begitu juga dikir barat. Selepas diharamkan, kerajaan negeri menggariskan beberapa syarat jika persembahan dikir barat hendak diadakan semula di negeri ini. Antara yang ditetapkan oleh Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, pertunjukan itu tidak boleh membabitkan wanita dan tukang karut tidak boleh menggunakan perkataan lucu. Katanya, penggunaan kata lucu tidak sesuai kepada pendengar atau penonton peringkat usia dan status sosial - daripada ibu yang membawa anak-anak, orang muda hinggalah haji dan hajah yang datang menyaksikannya. Peringkat usia dan status ini jugalah yang menghadiri ceramah Pas yang mana penceramahnya juga menggunakan pelbagai perkataan lucu dan kasar. Jika Pas boleh menyifatkan buku Shanon itu yang penuh dengan kata lucu, kasar dan kasar itu sebagai satu pembaharuan dan perkara biasa, ajaran dan perjuangan Islam apakah yang sebenarnya dilaungkan oleh Pas selama ini.

(END)